

**UNTUK SIARAN SEGERA**

## **KENYATAAN MEDIA**

### **KES RENJATAN ELEKTRIK DI MELAKA DALAM SIASATAN ST**

**Putrajaya, 31 Mei 2012** --- Siasatan awal Suruhanjaya Tenaga (ST) mendapati kerosakan kabel talian atas yang telah menyebabkan kebocoran arus melalui tiang elektrik sebagai punca kemalangan maut di Kampung Gedung Lalang, Bukit Rambai, Melaka semalam.

Menurut Ir. Othman Omar, Pengarah Penguatkuasaan dan Penyelarasan Kawasan, ST, pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah mematikan bekalan elektrik ke tiang berkenaan serta merta.

TNB juga telah diarah supaya menggantikan kabel terbabit serta menjalankan pemeriksaan rapi dengan segera terhadap tiang-tiang elektrik lain untuk memastikan tiang-tiang elektrik sentiasa berada dalam keadaan selamat.

**-TAMAT -**

*Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:*

*Asrul Muzaffar b. Mohammed / Noor Haniza bt Noordin*

*Unit Promosi & Komunikasi*

*Tel: +603 8870 8531/ +603 8870 8661 Fax: +603 8888 8636*

*Email: [asrul@st.gov.my](mailto:asrul@st.gov.my) / [haniza@st.gov.my](mailto:haniza@st.gov.my)*

### **Mengenai Suruhanjaya Tenaga**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan sebuah badan berkanun yang bertanggungjawab mengawal selia sektor tenaga bagi industri perbekalan elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bekalan elektrik dan gas berpaip yang disalurkan kepada pengguna adalah selamat, berdaya harap dan pada harga yang berpatutan.

